

# PENGAJIAN AL-QURAN

## 1)APAKAH MAKSUD IBADAH UMUM DAN IBADAH KHUSUS?

- Ibadah umum bermaksud semua perkara yang harus dilakukan dengan niat ibadah seperti makan,minum dan mencari rezeki.
- Ibadah khusus bermaksud semua ibadah fardu dan sunat seperti solat,puasa dan sedekah.

## 2)APAKAH SYARAT PENERIMAAN IBADAH?

- Niat yang ikhlas semata-mata kerana ALLAH.
- Menepati cara yang diajar oleh syarak.

## 3)APAKAH BAHAGIAN-BAHAGIAN SYIRIK BESERTA MAKSUDNYA?

- Syirik Jali iaitu syirik yang jelas seperti menyembah batu,matahari,patung atau memuja kubur,dan gambar manusia.
- Syirik Khofi iaitu syirik yang tersembunyi dan tidak disedari seperti solat untuk dikatakan warak,belajar untuk dikatakan alim,dan membuat kebajikan untuk dipuji.

## 4)BERIKAN CONTOH-CONTOH MUSUH ALLAH?

- Syaitan.
- Golongan anti hadis.
- Orang kafir.
- Ahli bid`ah.
- Orang munafik.

## 5)NYATAKAN JENIS-JENIS KEKUATAN?

- Rohani(iman)
- Jasmani(kesehatan)
- Motivasi(semangat)
- Ukhwah(perpaduan)
- Ilmu(kepakaran)
- Kebendaan(ekonomi)

## 6)APAKAH SEBAB NUZUL AYAT 11-13 SURAH AL-HAJ?

- Mengenai rombongan orang badwi yang memeluk islam.
- Apabila tiba musim hujan,tanaman menjadi subur dan isteri mereka melahirkan zuriat yang sihat dan berkata `agama baru kita ini sangat baik.`
- Namun bila musim kemarau yang tandus dan isteri mereka melahirkan zuriat yang tidak sihat,mereka berkata `tiada sebarang kebaikan dalam agama baru ini`.

### 7)APAKAH KHURAFAT?

-Khurafat bermaksud kepercayaan dan amalan yang tidak berasaskan ajaran islam.

### 8)BERIKAN CONTOH-CONTOH KHURAFAT.

- Memohon hajat daripada kubur yang dianggap karamah.
- Mempercayai sesuatu perkara yang boleh membawa sial dan malapetaka.
- Upacara mandi safar.
- Mempercayai sesuatu benda seperti cincin mempunyai karamah dan berkat.

### 9)APAKAH JENIS KESALAHAN SETIAP UMMAT DAN BALASAN KE ATAS MEREKA?

-Kaum NABI NUH	Syirik,menghina nabi,dan menyembah berhala	Tenggalam dalam banjir besar
-Kaum NABI HUD (KAUM AD).	Syirik,menyembah berhala,dan menghina nabi	Kemarau selama tiga tahun beserta angin ribut yang dashyat
-Kaum NABI SOLEH.	Syirik,menyembah berhala,dan merancang pembunuhan nabi.	Letusan suara keras yang membinasakan
-Kaum NABI IBRAHIM.	Syirik,menyembah berhala dan berusaha membunuh nabi.	Runtuhan bangunan(gempa bumi).
-Kaum NABI LUT	Syirik,menyembah berhala,hubungan sejenis dan menghina nabi	Dibalikkan bumi dan diturunkan hujan batu.
-Kaum NABI SYUIB	Syirik,menyembah berhala,suka menipu dalam jual beli dan menghina nabi.	Gempa bumi yang dahsyat
-Kaum NABI MUSA	Syirik,menyembah berhala,menyeksa dan membunuh manusia dan mengaku dirinya sebagai tuhan.	Kemarau,ribut,taufan,serangan serangga,air sungai menjadi darah dan karam di laut merah.

#### 10)APAKAH CIRI-CIRI MUKMIN YANG BERJAYA?

- Menghindarkan diri daripada perkara sia-sia.
- Menunaikan zakat.
- Menjaga kehormatan diri.
- Menjaga amanah.
- Menjaga kualiti solat.
- Menunaikan janji.
- Khusyuk dalam solat.

#### 11)BAGAIMANAKAH CARA MENJAGA KEHORMATAN DIRI?

- Elakkan diri daripada terdedah kepada bahan lucah.
- Berpuasa.
- Kurangkan berkhayal.
- Teguhkan iman dan jati diri.
- Sibukkan diri dengan aktiviti berfaedah.

#### 12)APAKAH WASIAT LUQMAN AL-HAKIM?

- Bersyukur kepada ALLAH dengan nikmat yang dikurniakan.
- Menjauhi perkara-perkara syirik.
- Menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa.
- Mengikuti jalan orang yang kembali kepada ALLAH.
- Mendirikan solat,.
- Menyeru kebaikan mencegah kemungkaran.
- Bersabar menghadapi ujian.
- Tidak bersifat sombong.
- Tidak takbur.
- Sopan ketika berjalan.
- Merendahkan suara ketika berbicara.
- Tidak memandang hina terhadap seseorang.

#### 13)BAGAIMANAKAH CARA BERBAKTI KEPADA IBU BAPA?

- Menjaga mereka ketika sakit.
- Sentiasa menziarahi mereka.
- Tidak menyusahkan mereka.
- Menolong mereka ketika susah.
- Menziarahi kawan baik mereka.
- Menolong mereka ketika susah.
- Mengembirakan hati mereka.
- Mendoakan untuk kepuan dan kesejahteraan mereka.

14)BAGAIMANAKAH CARA MENGHORMATI IBU BAPA?

- Melayan mereka dengan lemah lembut.
- Merendahkan suara.
- Solat berjemaah bersama mereka.
- Makan bersama mereka dengann beradab.
- Berjalan di hadapan mereka dengan sopan.
- Tidak tidur diatas katil mereka.
- Memberi salam ketika masuk dan keluar rumah.

15)MENGAPAKAH SEBAB NUZUL AYAT 77-83 SURAH YASSIN?

- Untuk menjawab persoalan abi bin kholif yang bertemu dengan RASULULLAH kemudian menanam seketul tulang dan bertanya sama ada tulang yang reput seperti ini akan dihidupkan dan dibangkitkan dari kubur.

16)TERANGKAN CARA-CARA MEMBACA AL-QURAN.

-TARTIL

Bacaan perlahan dan tenang sambil memahaminya serta memenuhi kehendak tajwid dan waqaf.

-TADWIR

Bacaan pertengahan antara tartil( ) dan hadar( ) serta memenuhi kehendak tajwid.

-HADAR

Bacaan pantas sambil memenuhi syarat tajwid.

17)APAKAH PERINGKAT KEHIDUPAN MANUSIA?

- Alam roh.
- Alam rahim.
- Alam dunia.
- Alam barzakh.
- Alam akhirat.

18)SIAPAKAH GOLONGAN `AL-DAHRIYYAH`?

- Golongan yang menolak konsep hari pembalasan kerana mereka mempercayai bahawa semua benda adalah kekal abadi dan dunia tidak mempunyai permulaan atau kesudahannya.

## 19)BERIKAN TEORI TABIE DAN TEORI EVOLUSI.

-Teori tabie: Sebahagian saintis tidak percaya adanya pencipta maha kuasa.Mereka mengatakan pencipta alam dan manusia ialah tabie.teori ini menyamai fahaman golongan daharyiah.

-Teori evolusi: Diperkenalkan charles Darwin(1859 masihi).Mengatakan semua makhluk yang ada menjadi sempurna sedikit demi sedikit oleh kuasa yang terkandung dalam benda itu sendiri.Proses perkembangan berlaku dari keadaan purba yang tidak teratur serta ringkas ke keadaan kompleks.manusia dikatakan berasal dari rangka keturunan beruk purba.

\*Kedua-dua teori ini bercanggah dengan nas AL-QURAN yang mengatakan manusia dari tanah.

## 20)APAKAH KONSEP TAARUF DALAM ISLAM?

-Taaruf bermaksud berkenal-kenalan antara satu sama lain.

-Merupakan ibadah.

-Tujuan taaruf:

\*Mewujudkan semangat kerjasama antara masyarakat dan kaum berbilang bangsa,agama dan keturunan.

\*Untuk merealisasikan pengabdian diri kepada ALLAH dengan mematuhi suruhanNYA supaya bertaaruf.

\*Supaya manusia mengenali keturunan masing-masing sekaligus mengeratkan hubungan silaturahim.

## 21)MENGAPAKAH ALLAH MELARANG BERMEGAH DENGAN KETURUNAN?

-Kejadian manusia berasal daripada keturunan yang sama iaitu ADAM.

-Bermegah dengan keturunan adalah ciri yang dibenci oleh ALLAH.

-Bermegah dengan keturunan adalah ciri fahaman masyarakat jahiliyyah bertentangan dengan ajaran islam.

## 22)APAKAH SIFAT ORANG YANG BERTAQWA?

-Mentaati segala perintah ALLAH dan menjauhi segala laranganNYA.

-Tawadok dan tegas.

-Menghormati AL-QURAN,ilmu dan ulama.

-Tidak suka membazir masa dengan perkara yang tidak berfaedah.

-Menjauhi diri daripada perkara-perkara dan tempat-tempat maksiat.

-Menjauhi diri daripada perkara khurafat,bid`ah,dan haram.

-Mempunyai iman yang teguh dan sanggup berjihad di jalan ALLAH.

23)APAKAH FAKTOR BERLAKUNYA PERMUSUHAN SESAMA MANUSIA?

- Kegagalan manusia menghayati konsep taaruf sebagaimana disarankan islam.
- Penindasan dan kezaliman yang dilakukan oleh manusia yang kuat terhadap golongan yang lemah yang menimbulkan rasa marah,benci,dan dendam.
- Pembahagian harta atau ekonomi yang tidak adil yang menimbulkan rasa tidak puas hati.
- Sikap sombong dan takbur sebahagian manusia yang berbangga dengan keturunan dan kekuatan abngsa mereka terhadap bangsa lain.

24)APAKAH SEBAB NUZUL AYAT 1-30 SURAH AL-RAHMAN?

- Untuk menjawab persoalan kaum musyrikin yang berpura-pura tidak mengetahui apa maksud`AR-RAHMAN`.

25)BERIKAN NIKMAT KURNIAAN ALLAH

- |                 |                  |
|-----------------|------------------|
| -Wahyu/AL-QURAN | -Syurga          |
| -Hidayah        | -Pancaindera     |
| -Ilmu           | -Rezeki          |
| -Akal           | -Haiwan          |
| -Alam           | -Tumbuh-tumbuhan |

26)APAKAH FAKTOR MANUSIA KUFUR TERHADAP NIKMAT?

- Selalu melihat orang yang mendapat nikmat yang lebih. .
- Terlalu tamak kepada sesuatu perkara kerana sifat tamak itu menghilangkan rasa syukur.
- Tiada sifat qanaah(berpada-pada).
- Kurang didikan agama atau gagal menghayati konsep syukur kerana mereka selalu gagal menginsafi bahawa segala nikmat adalah dari ALLAH.

27)APAKAH SIFAT ORANG YANG BERSYUKUR DENGAN ORANG YANG KUFUR?

ORANG YANG BERSYUKUR

- Bersifat pemurah
- Bersifat tawadok
- Bersifat berpada-pada
- Beriltizam dengan ajaran islam
- Memelihara alam sekitar dengan baik
- Mengambil tahu kesusahan orang lain

ORANG YANG KUFUR

- Bersifat kedekut
- Bersifat sombong dan takbur
- Bersifat tamak haloba
- Pegangan agama yang longgar
- Merosakkan alam sekitar
- Hanya mementingkan diri sendiri

28)APAKAH AKIBAT KUFUR TRHADAP NIKMAT ALLAH?

- Ditarik nikmat tersebut disebabkan dosanya.
- Akan ditarik keberkatan daripada nikmat tersebut walaupun nikmat itu masih diperolehi.
- Dibalas dengan azab yang pedih di akhirat.